

Panggilan video satukan keluarga

Wanita terpisah 34 tahun jejak famili guna media sosial

Oleh Nurul Fatimah Sulaini
am@hmetro.com.my

Besut

Perasaan sebak dan sayu mengiringi pertemuan bersejarah antara Nur Aqilah Mat dengan keluarga kandungnya melalui satu panggilan video selepas hampir 34 tahun terpisah.

Nur Aqilah yang tinggal di Batu Gajah, Perak berkata, tahun ini adalah tahun keempat percubaannya memuat naik status mencari keluarga kandung melalui media sosial.

“Sebelum ini tiada sebarang maklumat balas daripada sesiapa namun tahun ini dalam tempoh tiga jam sahaja saya mendapat maklumat mengenai keluarga kandung.


“Jika ikutkan Aidilfitri kali ini saya tidak meletakkan sebarang harapan namun tetap berusaha menjejaki mereka menggunakan laman sosial Facebook dengan membuat hebahan melalui group Jejak Kenalan Lama Official.

“Saya memuat naik status mencari bapa, Mat Hassan dan ibu, Siti Minah Mat dengan alamat terakhir di Kampung Bukit Kenak, Jertih, Besut serta meletakkan gambar sijil kelahiran kira-kira jam 5 petang Jumaat lalu,” katanya ketika dihubungi semalam.

Katanya, dalam tempoh tiga jam kemudian sekitar jam 8 malam ada pembaca komen mempunyai maklumat serta nombor telefon orang yang dicari.

“Saya dapat bercakap dengan ibu kandung serta beberapa orang kakak melalui panggilan video, perasaan pada masa itu bercampur sebak, sayu serta sedih kerana berpeluang bertentang mata dengan keluarga kandung.

“Saya dimaklumkan bapa kandung sudah meninggal



RAKAMAN panggilan video Nur Aqilah bersama ibu serta kakak kandungnya.

dunia pada akhir tahun lalu dan saya adalah anak bongsu daripada 10 beradik namun dua daripadanya sudah meninggal dunia.

“Lapan beradik yang masih ada, tujuh perempuan serta seorang lelaki manakala di sebelah keluarga angkat saya hanya dua beradik sahaja,” katanya yang dilahirkan di Hospital Besut.

Menurutnya, keluarga angkat pernah memaklumkan statusnya sebagai anak angkat ketika dia masih kecil namun tidak banyak maklumat diketahui mengenai keluarga kandung.

“Saya hanya dimaklumkan keluarga kandung menyerahkan saya pada seorang jururawat iaitu kakak ipar kepada keluarga angkat saya sekarang ketika berusia dua minggu.

“Masa saya masa kecil saya membesar di Kelantan kerana bapa angkat bertugas sebagai tentera darat di sana sebelum kami berpindah ke Perak dan menetap di sini,” katanya.

Ibu kepada empat orang anak ini berkata, sepanjang hidupnya dia pernah beberapa kali cu-

ba menjejaki keluarga kandung terutamanya ketika mahu melangsungkan majlis perkahwinan.

“Perkahwinan pertama pada tahun 2009 dengan suami pertama dan perkahwinan kedua dengan suami sekarang, Muhamad Suhaimi Sekhaini, 32, pada 2021. Kedua-duanya terpaksa menggunakan wali hakim kerana tidak dapat jejak bapa kandung.

“Walaupun saya mempunyai sijil kelahiran namun alamat kediaman mereka berubah tidak sama seperti dalam dokumen berkenaan,” katanya.

Dia berhasrat untuk segera bertemu keluarga kandungnya secepat mungkin atas faktor keadaan ibunya yang uzur sudah berumur 74 tahun kini tinggal bersama abang di Kuantan, Pahang.

“Saya teringin nak jumpa mereka secepat mungkin namun faktor kewangan menghalang saya untuk menemui mereka dalam masa terdekat kerana jarak jauh dari Perak ke Pahang.

“Saya hanya suri rumah manakala suami pula bekerja sebagai pekerja am dan empat anak masih bersekolah,” katanya.

“Saya teringin nak jumpa mereka secepat mungkin namun faktor kewangan menghalang saya”

Nur Aqilah